

# INSPRA 10 KM CHALLENGE

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4952-inspra-10-km-challenge](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4952-inspra-10-km-challenge)

KUANTAN, 3 Mei 19 - Larian 10 km Challenge bagi unit-unit di bawah naungan MPPLU telah selesai dilaksanakan oleh Intstitut Latihan Pengurusan Ruang Angkasa (INSPRA) di Padang Sekolah Bomba dan Menyelamat. Upacara pelepasan larian telah disempurnakan oleh Pemangku Komandan INSPRA, Lt Kol Anuar bin Che Hassan TUDM.

Seramai 204 orang pelari telah mengikuti acara ini yang terdiri daripada pegawai, anggota dan peserta kursus. Larian ini telah berlangsung selama 1 jam 30 minit di mana ke semua pelari berjaya menamatkan larian dalam tempoh masa tersebut. Sambutan yang diberikan daripada warga INSPRA sangat menggalakan dan acara berjalan dengan lancar dengan pengawasan rapi daripada petugas-petugas serta Jurulatih Jasmani INSPRA.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga INSPRA yang telah berjaya menayakan acara ini.

